

09/02/2000

Ramos-Horta anggap Dr M antara tiga tokoh handal Dunia Ketiga

KUALA LUMPUR, Selasa - Penerima Anugerah Keamanan Nobel, Jose Ramos-Horta menyifatkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai antara tiga tokoh handal dunia ketiga selain bekas Presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela dan pemimpin Cuba, Fidel Castro.

Pemimpin yang memperjuangkan kemerdekaan Timor Timur itu melahirkan kekaguman terhadap tiga pemimpin berkenaan dan beliau menyatakannya ketika menemui Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar di Wisma Putra, hari ini.

"Ini Ramos-Horta sendiri yang cakap. Katanya, pemimpin yang mereka kagumi dan menganggap pemimpin handal di dunia ketiga yang mereka sentiasa sanjung ialah pertama Mandela, kedua Castro dan ketiga Dr Mahathir," kata Syed Hamid selepas menerima kunjungan Ramos-Horta dan Xanana Gusmao.

Kedua-duanya dalam misi mendapatkan bantuan kewangan bagi membangunkan semula Timor Timur.

Ramos-Horta melarikan diri tiga hari sebelum ketibaan tentera Indonesia pada 1975 dan menjadi pejuang pembebasan Timor Timur, menjelajah dari satu negara ke satu negara, melobi dunia supaya bersimpati dan membantu perjuangan pembebasan Timor Timur.

Kerajaan Indonesia melepaskan kuasanya di Timor Timur kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Oktober lalu selepas Parlimen mengesahkan keputusan pungutan suara prokemerdekaan yang diadakan oleh badan dunia itu di Timor Timur, 30 Ogos lalu.

Gusmao pula dibebaskan daripada tahanan Indonesia, September lalu dan dijangka menjadi presiden Timor Timur yang pertama selepas wilayah itu meraih kemerdekaan sepenuhnya.

Syed Hamid berkata, Ramos-Horta juga melahirkan rasa kagumnya terhadap Malaysia dan pencapaian pembangunan negara ini sejak 20 tahun lalu sehingga melahirkan sebuah negara Malaysia.

"Mereka mengucapkan banyak terima kasih kepada Malaysia dan mahu pembabitan Malaysia yang lebih mendalam di Timor Timur. Ini adalah satu perkembangan yang saya harap, dianggap sebagai positif dan baik," katanya.

Mengenai kenyataan negatif Ramos-Horta terhadap Malaysia sebelum ini terutama berkaitan negara mana yang harus mengetuai pasukan pengaman di Timor Timur, Syed Hamid berkata:

"Kita ingin dalam proses mengembalikan keharmonian, saya berpendapat dalam pertemuan itu, anggapan saya ialah Horta begitu positif terhadap Malaysia dan tiada sebarang komen negatif langsung dikeluarkan atau disebut."

Malah katanya, Gusmao dan Ramos-Horta mahu meminta segala bantuan Malaysia dan mereka menghargai apa yang dilakukan Malaysia di Timor Timur setakat ini.

Beliau berkata, pada peringkat awal, Malaysia diberi gambaran salah berkaitan dengan kedudukan Timor Timur berikutan maklumat yang tidak betul disalurkan oleh pihak tertentu.

"Kedudukan kita apabila Timor Timur masih dianggap sebahagian Indonesia, dasar kita ialah tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman dan kedaulatan negara lain.

"Tetapi selepas proses perundingan, Malaysia sentiasa mengambil pendirian menyokong... persoalan yang kita tidak menyokong Timor Timur, tidak timbul. Kedua-duanya juga tidak menyentuh hal ini," katanya.

(END)

